

Surat khabar: Utusan Borneo (Tempatan)

Hari/Tarikh: 18/5/2013

Muka surat: 15

Tajuk : Penggabungan Dua Kementerian Diyakini Tambah Baik Sistem Pendidikan Negara.

# Penggabungan dua kementerian diyakini tambah baik sistem pendidikan negara

**KUCHING:** Penggabungan Kementerian Pelajaran dengan Kementerian Pengajian Tinggi diyakini langkah positif diambil Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak untuk menambah baik sistem pendidikan negara.

Timbalan Naib Canselor Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) Profesor Mohd Fadzil Abdul Rahman berkata dengan berbuat demikian kementerian yang baharu, Kementerian Pelajaran dan Pengajian Tinggi boleh memfokus kepada kesinambungan program-program pendidikan awal hingga ke peringkat pengajian tinggi.

“Di bawah satu bumbung, kementerian boleh membuat persiapan dan memfokus kepada program-program berterusan.

“Tepat pada masanya untuk pelaksanaannya dan ini akan membantu pelajar mempersiapkan diri

memasuki institusi pengajian tinggi awam atau swasta,” katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media sebelum majlis makan malam sempena Ulang Tahun Kedua Rundingan Meja Bulat Pemimpin Pentadbiran Universiti: Menuju Negara Berpendapatan Tinggi di sini malam kelmarin (Rabu).

Majlis makan malam itu dirasmikan Setiausaha Kerajaan Negeri Tan Sri Datuk Amar Mohamad Morshidi Abdul Ghani.

Hadir sama Penggerusi Lembaga Pengarah UNIMAS Datu Dr Hatta Solhi, Naib Canselor Universiti Malaysia Kelantan (UMK) Profesor Datuk Dr Raduan Che Ros dan Timbalan Pengarah Akademi Kepimpinan Pengajian Tinggi (AKEPT) Profesor Dr Mohd Fadzil Mohd Idris.

Fadzil menambah penggabungan dua kementerian itu sememangnya

dijangkakan kerana ia antara topik hangat dibincangkan oleh golongan intelektual dan kini menjadi kenyataan.

Mengenai barisan kabinet persekutuan yang baharu, beliau berkata ia seimbang kerana diberisi mereka yang berpengalaman, teknokrat termasuk perwakilan generasi muda.

Program Ulang Tahun Kedua Pemimpin Pentadbiran berlangsung selama dua hari dan dianjurkan bersama oleh AKEPT, UNIMAS dan UMK.

Antara lain tujuan penganjurannya ialah membantu pentadbir-pentadbir institusi pengajian tinggi awam dan swasta mencapai kecemerlangan di institusi masing-masing.

Lebih 200 peserta daripada pelbagai institusi pengajian tinggi termasuk pendaftar, bendahari dan penasihat undang-undang menghadiri program itu.